


## MINIT MESYUARAT PENGURUSAN INTAN BIL. 3/2015

---

**Tarikh:** 25 April 2015 (Rabu)  
**Masa:** 9.00 – 11.30 pagi  
**Tempat:** Bilik Mesyuarat Seri Tanjung,  
INTAN Bukit Kiara

### KEHADIRAN:

#### HADIR

- 
1. **Pengarah INTAN**  
YBhg. Datuk Dr. Mazlan Yusoff - Pengerusi
  2. **Timbalan Pengarah Kanan**  
YBrs. Dr. Karminder Singh Dhillon
  3. **Ketua Kluster**  
**Kluster Pembangunan Profesional dan Etika**  
YBrs. Dr. Razali Ab. Malik
  4. **Ketua Kluster**  
**Kluster Kepimpinan dan Pembangunan Eksekutif**  
YBrs. Dr. Mohd Bakhari Ismail
  5. **Ketua Kluster**  
**Kluster Inovasi Teknologi Pengurusan (i-IMATEC)**  
Puan Haizan Yusoff
  6. **Ketua Kluster**  
**Kluster Pengajian Pembangunan Pengurusan Dan Inovasi**  
YBrs. Encik Ooi Seong Kang
  7. **Ketua Kluster**  
**Kluster Kecemerlangan Bahasa**  
YBrs. Dr. Kadeessa Abdul Kadir

## **TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

### **8. Ketua Kluster**

**Kluster Pengajian Dasar Awam dan Governan**

YBrs. Dr. Hishamuddin Mohd Hashim

### **9. Ketua Kluster**

**Kluster Pengajian Ekonomi dan Kewangan Awam**

YBrs. Dr. Nor Fuad Abdul Hamid

## **TURUT HADIR**

### **10. Timbalan Ketua Unit Korporat dan Antarabangsa**

Puan Mashitah Ahmad Sabri

### **11. Timbalan Pendaftar Kanan (Q)**

**UPKM, Pejabat Pendaftar**

Puan A. Vasanthi a/p Ambikapathi

### **12. Naib Pendaftar**

Puan Noramiza Ahmad

## **URUS SETIA**

### **13. Perunding Latihan**

**Kluster Pembangunan Profesional dan Etika**

Encik Mohamad Ikhwan Al-Syahid bin Abdullah Tahir

## I. PERUTUSAN PENGERUSI

### 1. Kata Alu-aluan Pengerusi

Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran semua ahli mesyuarat ke Mesyuarat Pengurusan INTAN Bilangan 3 Tahun 2015.

**Makluman**

### 2. Ucapan Tahniah kepada Ahli Mesyuarat yang telah dinaikkan Pangkat

- a) Pengerusi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YBrs. Dr. Kadeessa Abdul Kadir yang telah dinaikkan pangkat ke Gred Utama C (Memangku) dan dilantik sebagai Ketua Kluster Kecemerlangan Bahasa berkuat kuasa mulai 26 Mac 2015.
- b) Pengerusi turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pegawai-pegawai yang telah dinaikkan pangkat ke gred 54 (Memangku) iaitu:
  - i. Encik Ahmad Tarmizi Zakaria daripada Kluster KEPIMPINAN
  - ii. Encik Sulaiman Yaakob Ayub daripada Kluster KEPIMPINAN
  - iii. YBrs. Dr. Surinasirah Pakih daripada Kluster INOVASI
  - iv. Puan Lai Swei Sien daripada Kluster PENYELIDIKAN

**Makluman**

### 3. Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-13 (MAPPA XVI)

Pengerusi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam kejayaan penganjuran MAPPA XVI. Pengerusi berkongsi harapan agar kerjasama erat tersebut boleh diteruskan di dalam satu lagi program INTAN akan datang iaitu Persidangan Perkhidmatan Awam 2016 atau Civil Service Conference (CSC) 2016.

**Makluman**

#### **4. Persidangan Perkhidmatan Awam (PPA) 2015**

Pengerusi memaklumkan bahawa PPA 2015 atau CSC 2015 yang akan diadakan pada Oktober akan datang akan membawa satu konsep yang berbeza. Konsep yang dimaksudkan ialah persidangan tersebut akan menjadikan *Digital Government Competency and Capability Readiness (DGCCR)* sebagai tema utama dan akan digerakkan oleh majoriti pegawai-pegawai muda INTAN.

**Makluman**

#### **5. Sambutan program-program INTAN terkini INTAN**

- a. Pengerusi mengucapkan syabas dan tahniah atas kejayaan penganjuran INTAN Talk Series on National Blue Ocean Shift (NBOS) Siri 1/2015 dan Seminar Dasar Keselamatan Negara yang masing-masing telah berlangsung pada 29 Mac dan 5 April yang lepas. Pengerusi turut berpuas hati dengan jumlah kehadiran yang memberangsangkan dan berharap program-program tersebut dapat memberi impak yang bermakna kepada para hadirin.
- b. Pengerusi turut mengucapkan tahniah di atas penganjuran IHRIS 2015 pada 10 April lepas. Namun, YBhg. Pengerusi menyentuh jumlah kehadiran yang tidak memberangsangkan seperti dua program yang dinyatakan sebelumnya. Pengerusi mencadangkan agar promosi berfokuskan kepada *HR Managers* di agensi/kementerian lebih agresif dilakukan pada masa akan datang sesuai dengan matlamat program tersebut diadakan.

**Makluman**

#### **6. INTAN Leadership Talk (iLEAD) siri 1/2015**

Pengerusi juga memohon ahli mesyuarat untuk memberikan sokongan kepada penganjuran iLEAD Talk siri 1/2015 yang bakal menampilkan dua ikon wanita dalam bidang kepimpinan pada 26 April terdekat. Pengerusi dimaklumkan bahawa maklum balas kehadiran peserta sudah mencecah 400 orang.

**Makluman**

**7. Prestasi pengisian SKT INTAN**

Pengerusi memaklumkan pengisian SKT pegawai INTAN masih belum memuaskan (80.78%) walaupun sudah melampaui jangka waktu yang diberikan (20 April untuk Pegawai Penilai mengesahkan SKT Pegawai Yang Dinali). Pengerusi menyeru Ketua Kluster untuk memastikan perkara ini diselesaikan segera di peringkat Kluster.

**Tindakan: Ketua Kluster dan Pejabat Pendaftar**

**8. Kehadiran kursus pegawai INTAN**

Pengerusi mengingatkan ahli mesyuarat mengenai jumlah pegawai yang masih kosong hari berkursus sehingga April 2015. Pengerusi meminta Pejabat Pendaftar untuk memantau perkara ini dengan lebih agresif.

**Tindakan: Pejabat Pendaftar**

**9. Cadangan Pusingan Kerja**

Pengerusi memaklumkan bahawa BK, JPA sedang dalam proses untuk melaksanakan pusingan kerja bagi pegawai di gred M41/44 yang telah berkhidmat lebih empat (4) tahun di JPA selaras dengan Pekeliling Bil. 3/2004. Pengerusi memohon Ketua-Ketua Kluster mengemukakan justifikasi kepada Pejabat Pendaftar sekiranya ada di antara pegawai tersebut yang ingin dikekalkan di jawatan semasa selewat-lewatnya 27 April 2015 (Jumaat).

**Tindakan: Ketua Kluster**

**II. PENGESAHAN MINIT MESUARAT**

Minit Mesyuarat Pengurusan INTAN Bilangan 2 Tahun 2015 telah disahkan tanpa sebarang pindaan.

**Makluman**

**III. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

## 10. Penyediaan minum pagi untuk kursus-kursus di INTAN

- a) Mesyuarat mengambil maklum akan kesesuaian penyediaan minum pagi bagi peserta kursus berikutan kekangan bilangan petugas Unit Sajian.
- b) Mesyuarat memutuskan untuk menimbangkan beberapa alternatif lain:
  - i. *Vending machine*
  - ii. Kiosk makanan
  - iii. *Running coffee*
  - iv. Sudut minuman segera 3-dalam-1 dan makanan ringan (roti dsb.) kerjasama KESKI.

**Tindakan: Pejabat Pendaftar**

## IV. PEMBENTANGAN KERTAS CADANGAN

### 11. NBOS Ideas: 1 INTAN *Technical Co-operation* dan INTAN *Ecoland*

- a) Mesyuarat mengambil maklum:
  - i. Akan pembentangan kertas konsep dua idea hasil usaha dua kumpulan peserta kursus NBOS Ideas anjuran Kluster Dasar pada 16 sehingga 20 Mac lepas di bawah tajuk ‘1 INTAN *Technical Co-operation* (1INTEC)’ dan ‘INTAN *Ecoland*’ seperti slaid di **Lampiran A dan B**. Tujuan pembentangan ialah untuk memaklumkan dan mendapatkan pandangan mengenai potensi kebolehlaksanaan kedua-dua idea tersebut.
  - ii. Respon positif mengenai idea 1INTEC yang dilihat mampu mengurangkan kos pembaikan kerja-kerja elektrikal di INTAN namun beberapa perkara harus dikaji secara lebih dalam terutama berkaitan prosedur kewangan dan skop kerja.
  - iii. Mengenai idea INTAN Ecoland untuk menghidupkan semula kawasan Kiara View sebagai pusat aktiviti yang mesra ekologi.

- iv. Satu program Gotong-royong Perdana di kawasan tersebut akan dijalankan oleh peserta program DPA dengan kerjasama Majlis Bersama INTAN (MBI) pada 4 Mei 2015 (Jumaat).

### Makluman

- b) Mesyuarat secara dasarnya bersetuju dengan kedua-dua idea tersebut dan akan mengadakan perbincangan lanjut bagi membincangkan pelaksanaan idea tersebut secara lebih serius.

### Tindakan: Pejabat Pendaftar

## 12. Pelaporan Projek RMK-11 dan NBOS

- a) Mesyuarat mengambil maklum akan pembentangan pembentangan mengenai status terkini Projek Pembangunan RMK-11 dan NBOS di INTAN oleh Pendaftar seperti berikut (slaid asal seperti di **Lampiran C**):

Projek	Rancangan	Status
a. INTAN Bukit Kiara	i. Tender kerja-kerja naiktaraf dan pembaikan fasiliti	<p>- Sesi mesyuarat dan lawatan tapak bersama dengan JKR Wilayah telah diadakan pada 6, 12 dan 14 Januari untuk penyediaan bersama dan memuktamadkan spesifikasi dan dokumen tender.</p> <p>- Pihak JKR telah mengiklankan pada 2 April 2015. Sesi lawatan tapak dan taklimat telah diadakan di INTAN pada 5 April 2014 dan telah dihadiri seramai 70 kontraktor kelas G4 dengan kategori B55 &amp;</p>

		CC23. Tender akan ditutup pada 30 April 2015.
	<p>ii. Menaiktaraf sistem audio visual Dewan Bankuet dan Dewan Serbaguna</p> <p><i>contoh</i></p>	<p>- Selaras dengan saranan Jawatankuasa Pemandu Projek ICT (JPICT) INTAN, pasukan projek telah mendapatkan khidmat nasihat agensi berpengalaman iaitu RTM berkenaan keperluan pemasangan audio di Dewan Serbaguna dan Dewan Bankuet.</p> <p>- Jawatankuasa Penyediaan Spesifikasi sedang meneliti cadangan tersebut untuk diselaraskan dengan dokumen spesifikasi yang sedang disediakan.</p> <p>- Iklan tender telah buka pada 24 April 2015 dan taklimat/lawatan tapak telah diadakan pada 27 April 2015.</p> <p>- Iklan tender akan ditutup pada 18 Mei 2015.</p>
	<p>iii. Penggantian sistem kehadiran biometric dan pintu keselamatan <i>magnetic door</i></p>	<p>- Projek ini telah mendapat pertimbangan dan diperakukan oleh Mesyuarat JPICT JPA pada 8 Februari 2015 untuk dibawa ke Mesyuarat JPICT pada 27 Februari 2015 untuk kelulusan.</p>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Iklan sebutharga telah dibuka pada 16 April 2015 manakala taklimat/lawatan tapak pada 19 April 2015. Iklan tutup pada 26 April 2015.</li> </ul>
	iv. Naiktaraf sistem penghawa dingin (Blok Pentadbiran / Akademik / IMATEC / Penginapan)	<p>Sesi mesyuarat dan lawatan tapak bersama JKR WORKSYOP telah diadakan. Spesifikasi kerja telah diluluskan di peringkat dalaman JKR dan perolehan akan dilaksanakan selepas Tahun Baru Cina. Jangkaan iklan adalah dalam bulan Februari.</p>
b. INTAN Jalan Elmu	i. Menaiktaraf Menara Ilmu	<ul style="list-style-type: none"> <li>- PPEU, JPM sedang dalam proses melantik perunding dan seterusnya akan mengadakan sesi <i>hand-holding</i> bagi memuktamadkan skop projek untuk penyediaan spesifikasi dan dokumen tender.</li> <li>- Iklan Tender telah dibuka pada 23 Mac 2015 dan ditutup pada 12 April 2015.</li> <li>- Penilaian akan dijalankan dari 12 hingga 17 April 2015 dan pembentangan</li> </ul>

		<p>Mesyuarat JPM pada 26 April 2015.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jangkaan SST: 27 April 2015</li> </ul>
c. INTAN Wilayah Utara	<p>i. Menaik taraf fasiliti &amp; kerja pendawaian semula elektrik bagi Dewan Pancarasa, dapur, kedai KESKI, Pejabat Domestik, Gimnasium dan Surau.</p> <p>ii. Menaik taraf Bilik kuliah, Dewan Rahman, Dewan Hussein dan Dewan Razak.</p> <p>iii. Menaik taraf lanskap di Taman Puspasari, Taman Kembang Sari dan Taman Cendawan.</p> <p>iv. Kerja-kerja menaik taraf fasiliti dan kemudahan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sedang dalam proses penyediaan spesifikasi dan dokumen tender/sebut harga oleh pihak JKR</li> <li>- Butiran pengisian system eGPA telah dikemukakan kepada BKP pada 16 April 2015 untuk kelulusan MOF.</li> <li>- Pihak BKP telah mengunci masuk data ke dalam sistem pada 19 April 2015.</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tarikh iklan: 26 April 2015</li> <li>- Penilaian: 2-9 Mei 2015</li> <li>- Urusan pelaksanaan Kontraktor: 10 – 15 Mei 2015</li> <li>- Jangkaan pelaksanaan : 16 Mei – 30 Sept 2015</li> </ul> <p>JKR Daerah Kuala Muda memaklumkan projek dalam proses penyediaan spesifikasi.</p> <p>Tarikh iklan: 1-23 Mei 2015</p> <p>Taklimat &amp; Lawatan tapak: 8 Mei 2015</p>

		<p>Penilaian tender: 24 Mei - 5 Jun 2015</p> <p>Pelantikan dan kelulusan jawatankuasa: 12 jun – 14 Jun 2015.</p> <p>Pelaksanaan: 20 Jun – 31 Oktober 2015</p>
d. INTAN Wilayah Timur	i. Kerja-kerja pembaikan cerun	<p>Iklan dibuka pada 2 April 2015 manakala taklimat dan lawatan tapak pada 9 April 2015</p> <p>Iklan telah ditutup pada 30 April 2015</p>
	ii. Kerja-kerja pembaikan dan naik taraf bumbung Blok Eksekutif	<p>Iklan : 8 Mac 2015</p> <p>Taklimat : 15 Mac 2015</p> <p>Tutup : 25 Mac 2015</p> <p>SST telah diperoleh pada 24 April 2015 dan kerja dijangka mula pada 6 mei 2015 sehingga 8 Sept 2015.</p> <p>Dalam tindakan permohonan kelulusan khas MOF – mengenai perolehan secara sebutharga. ( Sistem eGPA)</p>
	iii. Kerja-kerja pembaikan dan naik taraf pendawaian elektrik lampu kawasan dan Surau Al-Hidayah	<p>Iklan : 26 Mac 2015</p> <p>Taklimat : 2 April 2015</p> <p>Tutup : 12 April 2015</p>

		<p>JKR dalam proses penilaian sebutharga.</p> <p>Jangkaan SST : Awal Mei 2015</p> <p>Dalam tindakan permohonan kelulusan khas MOF – mengenai perolehan secara sebutharga. ( Sistem eGPA)</p>
e. INTAN Wilayah Selatan	i. Kerja-kerja pembaikan dan menaiktaraf fasiliti	<p>Briefing projek kepada JKR Johor telah diadakan pada 28 Januari 2015.</p> <p>Tender telah diiklankan pada 08 Mac 2015, lawatan tapak pada 12 Mac 2015 dan tender ditutup pada 02 April 2015.</p> <p>Pihak JKR telah membawa kertas taklimat ke Lembaga Perolehan pada 22 April 2015</p>
	ii. Naik taraf dewan, bilik mesyuarat, bilik perbincangan dan bilik kuliah (sistem paparan dan audio visual)	<p>Kelulusan (pindaan skop) melalui JPICT, JPA pada 27 Februari 2015.</p> <p>Kemasukan data ke dalam sistem eP bermula pada 01 Februari 2015 dan lulus untuk pengiklanan di eP pada 19 Mac 2015.</p> <p>Taklimat kepada 11 pembekal yang hadir lawatan tapak pada 21 Mac</p>

		2015 dan tender ditutup pada 11 April 2015.
f. INTAN Sabah	<p>i. Menaik taraf dan pendawaian semula sistem elektrik dan penggantian projector jenis LCD di Auditorium</p> <p><i>cont'd</i></p>	<p>Selaras dengan Minit Mesyuarat Penyelarasan Perolehan bagi Pembaikan dan Menaiktaraf Fasiliti INTAN Kampus Sabah bertarikh 26 Mac 2015 di mana perolehan bagi kerja-kerja elektrik ini dipelawa secara sebutharga.</p> <p>Sebutharga telah diiklan pada 6 April 2015 dan tarikh tutup iklan pada 19 April 2015. Lawatan Tapak telah diadakan pada 11 April 2015.</p> <p>Tarikh Jangkaan SST pada Mei 2015.</p> <p>Dalam tindakan permohonan kelulusan khas MOF – mengenai perolehan secara sebutharga. ( Sistem eGPA)</p>
	<p>ii. Naik taraf sistem penyaman udara, sistem pencegahan kebakaran, penyenggaraan dan pembaikan sistem paip air serta kerja-kerja berkaitan.</p>	<p>Tender akan diiklankan pada 12 April 2015 dan tarikh tutup iklan pada 7 Mei 2015.</p> <p>Lawatan Tapak diadakan pada 16 April 2015.</p> <p>Tarikh Jangkaan SST pada Jun 2015.</p>

	iii. Kerja-kerja menyelenggara bumbung bangunan pentadbiran	<p>Sebutharga telah diiklan pada 6 April 2015 dan tarikh tutup iklan pada 19 April 2015.</p> <p>Lawatan Tapak akan diadakan pada 11 April 2015.</p>
g. NBOS KPKT	i. Kuarters INTAN Bukit Kiara	<p>INTAN telah menyalurkan subwaran kepada JKR pada 20 Februari 2015.</p> <p>Pihak JKR memaklumkan butiran pengiklanan seperti berikut:</p> <p>Tarikh iklan: 11 April 2015</p> <p>Lawatan/Taklimat: 17 April 2015</p> <p>Tarikh tutup: 24 April 2015</p>
	ii. Kuarters INTIM	<p>Subwaran kepada JKR Terengganu pada 20 Mac 2015</p> <p>Iklan : 8 Mac 2015</p> <p>Taklimat : 15 Mac 2015</p> <p>Tutup : 25 Mac 2015</p> <p>SST telah diperoleh pada 24 April 2015 dan kerja dijangka mula pada 6 Mei 2015 sehingga 8 Sept 2015.</p>
	iii. Kuarters INTAN Kampus Sabah	Sebutharga telah diiklan pada 6 Mac 2015 dan tarikh

		tutup iklan pada 24 Mac 2015.  Lawatan Tapak diadakan pada 16 Mac 2015.  Tarikh Jangkaan SST pada Jun 2015.
--	--	---

### Makluman

- b) Mesyuarat mencadangkan dan bersetuju laporan seterusnya dibawa ke mesyuarat akan datang.

### Tindakan: Pendaftar

#### 13. Pembentangan Perancangan Festival i-FIT 2015 di INTAN Kampus Sabah

- a. Mesyuarat mengambil maklum akan pembentangan perancangan Festival i-FIT 2015 oleh Pengarah Wilayah INTAN Sabah, Encik Samsuddin Karim seperti di **Lampiran D**. Tujuan pembentangan adalah untuk memaklum dan mendapatkan pandangan dan persetujuan mesyuarat berhubung pelaksanaan program tersebut.

### Makluman

- b. Mesyuarat mencadangkan dan bersetuju agar:

- i. Sumbangan yuran KESKI oleh INTAN Bukit Kiara (*Kiara View*) dan Kluster Inovasi disekalikan memandangkan mereka turut bergabung sebagai satu kontinen sepanjang program tersebut.
- ii. Aktiviti pada hari Jumaat (3 Ogos 2015) dikaji semula kesesuaiannya memandangkan ruang masa aktiviti yang terhad untuk memberi ruang kepada Solat Jumaat.

### Tindakan: INTAN Kampus Sabah

#### 14. Cadangan Pelaksanaan Kajian Analisis Keperluan Latihan (LNA) INTAN

- a. Mesyuarat mengambil maklum akan pembentangan kertas cadangan pelaksanaan kajian analisis keperluan di INTAN melalui 5 fasa utama oleh Pendaftar seperti slaid di **Lampiran E**. Tujuan pembentangan adalah untuk memaklum dan mendapatkan pandangan dan persetujuan mesyuarat berhubung pelaksanaan kursus tersebut.

**Makluman**

- b. Mesyuarat mencadangkan dan bersetuju untuk setiap Kluster menempatkan satu wakil di dalam 10 Pakar Bidang di bawah Jawatankuasa Pasukan Projek Kajian LNA.

**Tindakan: Pendaftar dan Ketua Kluster**

#### 15. Laporan lawatan ke Taska Insititut Sosial Malaysia (ISM)

- a. Mesyuarat mengambil maklum:
  - i. Akan pembentangan laporan hasil lawatan ke Taska ISM yang dibentangkan oleh Pendaftar seperti slaid di **Lampiran F**.
- b. Mesyuarat mencadangkan dan bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan untuk melantik operator Taska INTAN daripada pihak swasta melalui KESKI.

**Makluman**

**Tindakan: Pejabat Pendaftar**

### V. HAL-HAL LAIN

#### 16. Perkongsian Pengalaman Program SEDP 2015

Mesyuarat mengambil maklum perkongsian Encik Azizul Alias, Pengarah IKWAS mengenai input-input sepanjang program Senior

Executive Development Programme 2015 berlangsung dari 9 April sehingga 20 April yang lalu.

**Makluman**

**VI. PENUTUP**

YBhg. Pengerusi mengucapkan terima kasih atas kehadiran dan pandangan semua ahli Mesyuarat. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

**Kluster Pembangunan Profesional dan Etika**  
**27 April 2015**

**CONFIRMED**